



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 19 MEI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KUSKOP, MAFS JALIN KERJASAMA KUKUHKAN KETERJAMINAN MAKANAN, NASIONAL, SH -18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	AGRICULTURE MINISTER TARGETS RM1.3bil EXPORTS of PINEAPPLE PRODUCTS THIS YEAR, NATION, SIN CHEW DAILY -14	
3.	CHAN FOONG HIN: EXPORTS OF PINEAPPLE PRODUCTS COULD HIT RM1.3b THIS YEAR, NATION, KWONG WAH YIT POH -A12a	
4.	BID TO SMUGGLE SMOKED RATS FOILED, NEWS, NST -12	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	MAQIS RAMPAS 10kg TIKUS SALAI, NASIONAL, BH -23	
6.	MAQIS RAMPAS TIKUS SALAI DI LTAPP, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -15	
7.	CUBAAN SELUDUP LEBH 26 TAN KERATAN AYAM SEJUK BEKU, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -15	
8.	BAGASI ISI TIKUS SALAI, LOKAL, HM -4	
9.	10kg TIKUS SALAI DARI VIETNAM DIRAMPAS DI LTAPP, NEGARA, KOSMO -16	
10.	REZEKI CUACA PANAS, DAPAT JUAL TEMBIKAI 24 TAN SEHARI, NEGARA, KOSMO -15	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
11.	HOT SPELL BUSINESS BOON FOR KELANTAN WATERMELON TRADER, NEWS, THE SUN -3	
12.	TEMBIKAI 'LAKU KERAS' 24 TAN SEHARI, LOKAL, HM -22	
13.	JUALAN TEMBIKAI LARIS HINGGA 24 TAN SEHARI, NASIONAL, SH -11	
14.	MUSIM KEMARAU BAWA REZEKI KEPADA PENJUAL TEMBIKAI, DALAM NEGERI, UM -29	
15.	CUACA EKSTREM JEJAS HASIL DURIAN, DALAM NEGERI, UM -30	
16.	POTENTIAL FOR ADDED INCOME IN BREEDING SERAMA CHICKEN, NATION, THE STAR -10	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
17.	GUNA LEMBU SELUDUP BUAT KORBAN, NEGARA, KOSMO -7	
18.	TAMBAH 1,391 PASAR TANI, LOKAL, HM -18	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
19.	NELAYAN TURUN KE LAUT AWAL PAGI ELAK 'DIBAKAR' CUACA PANAS, NEGARA, KOSMO -14	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
20.	SUNGAI CETEK SUKARKAN NELAYAN DARAT CARI REZEKI, NEGERI PERAK, SH -27	
21.	AGROBANK PUPUK MINAT MURID BERTANI, NIAGA, KOSMO -36	AGROBANK
22.	AGROBANK PERUNTUK RM240,000 JAYAKAN PROGRAM RAKAN TANI MUDA, EKONOMI, UM -37	
23.	AGROBANK KOMITED BANGUNKAN PENDIDIKAN PERTANIAN, NASIONAL, SH -23	
24.	EL-NINO: BEKALAN AIR SELANGOR CUKUP, DALAM NEGERI, UM -29	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Kuskop, MAFS jalin kerjasama kukuhkan keterjaminan makanan

SUNGAI PETANI - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Kuskop) menjalinkan kerjasama strategik dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) dalam usaha mengoptimumkan potensi sekali gus mengukuhkan keterjaminan makanan negara.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Saraswathy Kandasami berkata, dalam konteks agromakanan, MAFS memainkan peranan penting bagi memastikan keterjaminan makanan negara mampu bertahan.

Menurutnya, dalam hal ini, Kuskop dan MAFS akan mengoptimumkan potensi sumber melibatkan kedua-dua Kementerian bertujuan menyokong transformasi dan pemodenan projek pertanian oleh sektor koperasi yang menyumbang kepada keterjaminan pengeluaran makanan di Malaysia.

"Tidak ketinggalan, Kuskop menerusi Suruhanjaya

Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk tujuan berkenaan," jelasnya ketika merasmikan Program Bicara Ilmu Keterjaminan Makanan: Sejauh Mana Peranan Koperasi dan Majlis Penyerahan Pelan Strategik Koperasi di sini pada Khamis.

Pelan Strategik Koperasi itu disampaikan kepada Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad, Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Pulau Pinang Berhad dan Koperasi Pembangunan Insan Wilayah Utara Berhad.

Hadir sama, Ketua Pengarah IKMa, Datuk Mohd Ali Mansor.

Dalam pada itu, Saraswathy berkata, koperasi adalah sebuah entiti perniagaan yang berorientasikan keseimbangan antara nilai ekonomi, sosial dan budaya demi mencapai kesejahteraan anggota.

"Ini bertepatan dengan koperasi sebagai penyumbang ketiga kepada ekonomi negara selepas sektor kerajaan dan swasta serta mempunyai jutaan anggota serta aset bernilai berbilion ringgit,"



Saraswathy (duduk, tengah) ketika selesai merasmikan Program Bicara Ilmu Keterjaminan Makanan: Sejauh Mana Peranan Koperasi dan Majlis Penyerahan Pelan Strategik Koperasi di Sungai Petani pada Khamis.

katanya.

Jelas beliau, secara khusus, terdapat 172 koperasi terlibat secara langsung dalam sektor agromakanan yang meliputi penanaman, perikanan, tanaman dan pembekalan input pertanian sejak Disember 2022.

Antara yang diusahakan koperasi ialah ternakan lembu ternusu, lembu pedaging, ayam, madu kelulut, ikan sangkar, tanaman sawah padi, nenas, fitegasi, jagung bijian dan jagung manis.

Dalam pada itu, katanya,

Kuskop turut menyediakan pembiayaan modal pusingan agromakanan dan geran bantuan pembangunan bagi mengembang atau memperluaskan projek berkaitan pengeluaran makanan pertanian utama, pemrosesan atau pengilangan agromakanan atau aktiviti hiliran makanan lain.

"Kementerian juga mewujudkan dan Federasi Koperasi Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia Berhad bertujuan menggembangi sumber modal, kepakaran, kemahiran dan tenaga profesional bagi melaksanakan

aktiviti pada skala lebih besar," katanya.

Ketika berucap dalam Program Bicara yang dihadiri 200 peserta dari Kedah, Perlis dan Pulau Pinang itu, beliau berharap agar ia memberi kefahaman jelas tentang hala tuju dan fokus utama agenda keterjaminan makanan negara.

"Informasi kemudahan pembiayaan, geran bantuan dan latihan disediakan melalui agensi Kuskop iaitu SKM dan IKMa juga diharapkan dapat diuar-uarakan," jelasnya.

Headline	Agriculture Ministry targets RM1.3bil exports of pineapple products this year		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	19 May 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	14	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	283 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,524
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,572



立。

黃梨出口今年料破13億

陳泓縑：需求持續增加



(李慧婷攝)
 觀黃梨餅制作商家的工厂運作。
 瑪及莫哈末凱魯詹利(右一)參
 陳泓縑(左二起)與謝奧

(新山18日訊)农业及粮食安全部副部长陈泓縑表示，我国黄梨出口总值近年来有不断增加趋势，相信今年有望突破13亿令吉出口总值目标。

他表示，我国黄梨种植业需求量逐年增加，去年更突破11亿令吉出口总值，顺应趋势展望今年目标，相信有望突破13亿令吉出口总值目标。

他表示，黄梨是非常具有潜力的种植业，柔佛州黄梨种植业更占全国63%，也就是说柔佛州是我国最大的黄梨种植州属。

“除了罐装黄梨产品之外，也可开拓更多新鲜黄梨的出口机会。”

陈泓縑今午前往绿满苑参观与了解农基工业企业商家的零售店及生产线时，在新闻发布会上发表谈话。

大马黄梨工业局主席谢奥玛表示，我国黄梨出口量在2021年占世界出口量0.25%，而新加坡是我国黄梨最大的进口国，占市场66%。

他表示，该局将与农业及粮食安全部商讨拟定对策，以寻求方案提升黄梨种植产量。“根据当局资料显示，目前投身黄梨种植及产品工业的企业每月收入皆可大致超过5000令吉目标。”

另一方面，大马黄梨工业局总监莫哈末凯鲁詹利表示，尽管天气酷热，目前本地黄梨种植业产量并未受天气影响，因为黄梨是十分耐抗气候的农产品。



馬空手道隊訪人資部長

大马空手道队一行13人周三下午，在国家空手道总教练达米尔和助理教练古纳瑟卡兰的带领下，到布城拜访人力资源部长西华古玛。

一行人受到部长的热情接待，随后西华也为每位运动员带上印度花环，以表达对他们为国争光的谢意，并且赞赏他

们在东运会上有杰出的表现。

大马空手道团队在本届刚刚结束的柬埔寨东运会上，总共夺得4金1银4铜奖牌，表现非常亮眼。

图为大马空手道队员跟西华古玛(中)合照，左七是达米尔，右六是古纳瑟卡兰。(部长办公室提供)

Headline	Chan Foong Hin: Export of pineapple products could hit RM1.3b this year		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	19 May 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A12a	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	57 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 639
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,917



陈泓缜：数据呈上升趋势 今年黄梨产品出口料达13亿

(依斯干达公主城 18日讯)农业及粮食安全部副部长陈泓缜说,我国的黄梨产品出口值今年有望可高达13亿令吉,与数据呈上升趋势相符。

他指出,这可从最近数年黄梨产品出口值看到该趋势,2020年录得6亿4200万令吉,2021年11亿令吉,以及去年12亿令吉。

他说:"80%的出口黄梨产品是罐头食品,同时我们希望继续开拓新市场(尤其是)鲜果。"

"由于鲜果市场利润丰厚及需求量大,特别是在中东和中国,因此,我们希望继续开拓新市场。"

他今日造访Tuzra Marketing公司后,召开记者会时这么说。出席者包括大马黄梨工业局(LPNM)主席赛乌马尔。

陈泓缜说,我国出口最多黄梨产品到新加坡、中东、中国、日本和韩国。

询及如炎热天气是否影响黄梨生长?陈泓缜说,黄梨是耐旱植物,能承受这样的天气。

他说:"其实炎热的天气对黄梨有利。目前天气炎热,我认为不会影响黄梨的生产,除了在炎热季节开始种植时,我们必须在一或两周内为黄梨浇水,之后黄梨可靠露水生存。"#

NO IMPORT PERMIT

Bid to smuggle smoked rats foiled

GEORGE TOWN: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) foiled an attempt to smuggle 10kg of smoked rats from Vietnam into the country on Wednesday.

State director Muhammad Ikram Abd Talib said the smoked rats, worth RM1,000, were brought in without a valid import



Part of the smoked rats seized at Penang International Airport in George Town on Wednesday. PIC COURTESY OF MALAYSIAN QUARANTINE AND INSPECTION SERVICES DEPARTMENT

permit during checks at the Penang International Airport (PIA) here.

"The items were detected with the help of the Customs Department's scanning machine and subsequent checks by Maqis officers at PIA.

"We found the items inside the luggage of a passenger arriving from Vietnam."

The case is being investigated under Section 11(4) of the Quar-

antine and Inspection Services Act 2011 (Act 728).

Ikram said the state Maqis always took serious steps with enforcement agencies at the border in issues involving food safety, disease control and the risk of pest entry that could threaten the country's agricultural sector.

"As we know, rats can cause infectious diseases directly and indirectly."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	23

MAQIS rampas 10kg tikus salai

Dikesan menerusi mesin pengimbas terhadap penumpang dari Vietnam

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Bayan Lepas: Cubaan membawa masuk 10 kilogram tikus salai tanpa kebenaran, gagal selepas tindakan itu dikesan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Hasil dagangan berkenaan cuba dibawa masuk menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), di sini, kelmarin.

RMI.000 jumlah rampasan

Pengarah MAQIS Pulau Pinang, Muhammad Ikram Abd Talib, berkata semua tikus salai itu dikesan ketika pemeriksaan bagasi menerusi mesin pengimbas terhadap seorang penumpang dari Vietnam.

Beliau berkata, semua rampasan itu dianggarkan bernilai RMI.000.

"Perbuatan mengimport keluaran hasil haiwan tanpa permit sah adalah menjadi kesalahan mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 723), yang boleh di hukam mengikut Seksyen 11(3) akta yang sama.

"Individu berkenaan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan," katanya menerusi kenyataan, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Muhammad Ikram berkata, MAQIS sentiasa mengambil langkah serius dalam isu berkenaan bersama agensi penguatkuasaan di sempadan kerana ia membabitkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemusnahan perosak yang boleh mengancam sektor perta-

nian negara.

"Tikus boleh menyebabkan penyakit berjangkit secara langsung dan tidak langsung. Tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus dipertingkatkan bagi memastikan kawalan penyakit haiwan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara," katanya.

MAQIS sentiasa mengambil langkah serius dalam isu berkenaan bersama agensi penguatkuasaan di sempadan kerana ia membabitkan keselamatan makanan

Muhammad Ikram Abd Talib, Pengarah MAQIS Pulau Pinang



Sebahagian daripada 10 kilogram tikus salai yang ditemukan dalam bagasi penumpang dari Vietnam di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), Bayan Lepas.

(Foto ihsan MAQIS)

Maqis rampas tikus salai di LTAPP

Ditemui dalam pemeriksaan bagasi penumpang warga Vietnam

Oleh SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI
BAYAN LEPAS

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk dagangan keluaran hasil haiwan iaitu tikus salai tanpa kebenaran di pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) di sini.

Pengaruhnya, Muhammad Ikram Abdul Talib berkata, pihaknya merampas 10 kilogram tikus salai tersebut yang bernilai RM1,000.

Menurutnya, rampasan itu dilakukan hasil kerjasama dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

"Ia berjaya dikesan dengan bantuan mesin pengimbas JKDM dan pemeriksaan oleh pegawai Maqis di LTAPP pada Rabu.

"Hasil haiwan iaitu tikus salai tersebut dijumpai semasa pemeriksaan bagasi terhadap seorang penumpang dari Vietnam. Kita merampas tikus salai berkenaan selepas mendapati ia dibawa masuk ke negara ini tanpa kebenaran," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.



Seorang pegawai Maqis memeriksa tikus salai yang dirampas kerana dibawa masuk ke negara ini tanpa kebenaran.

Jelas beliau, perbuatan mengimport keluaran hasil haiwan tanpa permit yang sah adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta sama.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau

kedua-duanya sekali.

"Maqis sentiasa mengambil langkah serius bersama agensi penguatkuasaan di sempadan dalam isu melibatkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam sektor pertanian negara," katanya.

Beliau menambah, tikus boleh menyebabkan penyakit berjangkit secara langsung dan tidak langsung.

Cubaan seludup lebih 26 tan keratan ayam sejuk beku gagal



Maqis merampas ayam sejuk beku dipercayai untuk pasaran tempatan di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam, Kedah, pada Ahad.

BUKIT KAYU HITAM - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menggagalkan cubaan membawa masuk lebih 26 tan keratan ayam sejuk beku dianggarkan bernilai RM234,000 dari negara jiran pada Ahad.

Ketua Pintu Masuk Bukit Kayu Hitam, Mohd Sukor Shafie berkata, kontena membawa 2,167 kotak keratan ayam sejuk beku dari Thailand itu ditahan ketika pemeriksaan di

Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam.

Menurut beliau, hasil pemeriksaan pada jam 8 malam oleh pegawai Maqis mendapati kotak-kota berisi keratan ayam sejuk beku itu disusun di dalam kontena tersebut.

"Lebih 26 tan keratan ayam dianggarkan bernilai RM234,036 ditahan untuk tindakan lanjut kerana perakuan yang mengelirukan.

"Kegagalan mengemuka-

kan maklumat yang tepat atau mengelirukan adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Dalam pada itu, Mohd Shukor berkata, jika sabit kesalahan pihak terbabit boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-dua sekali di bawah akta sama.

Bagasi isi tikus salai

Maqis tumpas cubaan seludup 10kg daging tikus dari Vietnam

Oleh Zuhaimy Zulkiffi
am@hmetro.com.my

Bayan Lepus

Cubaan bawa masuk 10 kilogram (kg) tikus salai tanpa kebenaran, gagal selepas dikesan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Hasil dagangan berkenaan cuba dibawa masuk menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (UTAPP) di sini, semalam.

Pengarah Maqis negeri, Muhammad Ikram Abd Ta'lib berkata, kesemua tikus salai itu dikesan ketika pemeriksaan bagasi menerusi mesin pengimbas terhadap seorang penumpang dari Vietnam.

Katanya, kesemua rampasan itu dianggarkan bernilai RM1,000.

"Perbuatan mengimport keluaran hasil haiwan tanpa permit sah adalah menja-dikan masalah di kesalah-an mengikut Seksyen 11(1), Akta Per-

khidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh di hukun mengikut Seksyen 11(3). Akta yang sama.

"Individu berkenaan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Muhammad Ikram berkata, pihaknya sentiasa mengambil langkah serius dalam isu berkenaan bersama agensi penguatkuasaan di sempadan kerana ia membabitkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam sektor pertanian negara.

"Seperti yang kita sedia maklum, tikus boleh berjangkit secara langsung dan tidak langsung.

"Tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperkasa bagi memastikan kawalan penyakit haiwan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara," katanya lagi.

Kesemua rampasan dianggarkan bernilai RM1,000



SEBAGIAN daripada tikus salai yang ditemui dalam bagasi penumpang dari Vietnam di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (UTAPP). - Gambar: Ihsan Maqis

Hot spell business boon for Kelantan watermelon trader

GUA MUSANG: The hot weather in the country has turned into a blessing in disguise for a trader in Bandar Baru here.

Zuhairi Hashim, 34, said he sells up to 24 tonnes of watermelon a day.

He added that he has started offering the boci type of watermelon for as low as 80 sen per kg for grade B and RM1.20 per kg for grade A since last month.

According to him, he is able to offer the watermelons at a low price because he purchases them in bulk from Kelantan and Terengganu.

"We get direct supply from farmers in Dabong, Tok Bali and Pasir Puteh in Kelantan and Setiu in Terengganu.

"I am grateful that many people come to buy these fruits. During the hot spell, I can sell between 12 and 24 tonnes per day," he told reporters yesterday.


Zuhairi said he starts business at 8am and closes at 10pm. He is aided by his wife and other family members.

He shared that most of his customers were happy with the affordable prices he offers.

"They are more willing to buy these fruits because they are cheap, compared with RM4.50 per kg sold elsewhere."

By significantly reducing the price, Zuhairi has been able to attract more customers and increase sales. He said his customers were also looking for watermelons to serve as desserts at Aidilfitri open house events.

"Recently, a customer from Sepang, Selangor purchased five tonnes of watermelon, and we delivered them ourselves," he said. - Bernama



PELANGGAN memilih tembikai di gerai Zuhairi yang dijual pada harga 80 sen sekilogram di Bandar Baru, Gua Musang.

Tembikai 'laku keras' 24 tan sehari

Gua Musang: Cuaca panas memberi limpahan rezeki kepada peniaga di sini apabila berhasil menjual 24 tan tembikai sehari.

Peniaga, Zuhairi Hashim, 34, membuka gerai di tepi jalan alternatif Gua Musang-Kuala Lipis sejak lebih sebulan lalu.

Menurutnya, tembikai yang dijualnya itu terdiri daripada dua gred dengan harga berbeza di mana bagi gred B serendah 80 sen sekilogram dan gred A pula RM1.20.

Katanya, bekalan tembikai diambil secara pukal dari ladang di Dabong, Setiu, Terengganu dan Tok Bali, Pasir Puteh.

"Cuaca panas memberi rezeki berganda kepada saya apabila tembikai koci laris dijual dengan hasil jualan antara 12 hingga 24 tan setiap hari.

"Harga tembikai yang murah menyebabkan pelanggan ramai datang membelinya, malah ada yang memborong.

"Jika dulu harga tembikai mahal apabila dijual RM4.50 sekilogram," katanya.

Zuhairi berkata, selain berniaga dia juga berhasrat bersedekah kepada pelanggan terutama pada musim panas.

Katanya, dia berniaga bersama isteri, adik-bera-

dik serta saudaranya seawal jam 8 pagi sehingga jam 10 malam setiap hari.

"Ramai peminat membeli tembikai gred B kerana harganya lebih murah dan rasanya enak serta manis.

"Selain pelanggan dari daerah ini, kami juga mendapat tempahan luar. Baru-baru ini, pelanggan dari Sepang, Selangor memborong sebanyak lima tan tembikai dan kami melakan penghantaran sendiri," katanya.

Menurutnya, selain pelanggan boleh datang sendiri di gerai, tempahan tembikai boleh dilakukan melalui laman sosial Facebook atau WhatsApp.

FOTO:BERNAMA



Penjual buah tembikai kini mendapat permintaan tinggi ekoran cuaca panas yang melanda negara.

Jualan tembikai laris hingga 24 tan sehari

GUA MUSANG - Rezeki seorang peniaga tembikai di Bandar Baru di sini melimpah ruah ketika musim panas ini apabila jualaninya laris hingga mencecah 24 tan sehari.

Zuhairi Hashim, 34, berkata, sejak sebulan lalu dia mula menjual buah tembikai boci (tembikai merah) gred B pada harga serendah 80 sen sekilogram (kg) manakala gred A pada harga RM1.20 sekilogram.

Katanya, dia dapat menawarkan harga yang rendah kerana bekalan tembikai diambil secara pukal dari Kelantan dan Terengganu.

"Harga murah kerana buah di-ambil terus dari ladang. Saya ber-urusan secara langsung dengan

peladang atau orang panggil pajak dari ladang. Saya sanggup jelajah dua negeri ini dan dapat berurusan dengan peladang di Dabong, Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan dan Setiu, Terengganu.

"Alhamdulillah, memang ramai orang datang membeli dan ketika musim panas ini saya dapat buat jualan antara 12 hingga 24 tan sehari," katanya ditemui pemberita pada Khamis.

Zuhairi berkata, dia mula berniaga pada jam 8 pagi hingga 10 malam dengan dibantu isteri dan ahli keluarga yang lain.

Menurutnya, kebanyakan pelanggan yang datang tidak melepaskan peluang harga murah ditawarkan dan kebiasaannya me-


reka akan membeli secara borong untuk dijadikan sajian yang me-nyegarkan pada majlis rumah ter-buka Aidilfitri.

Dia berkata, harga buah tembikai yang murah menyebabkan pelanggan tidak takut untuk membeli, berbanding dulu harganya agak mahal iaitu RM4.50 sekilogram.

"Sekarang pelanggan sudah dapat membeli secara borong, mereka tidak banyak fikir terus buka but kereta dan masukkan buah tembikai yang diborong.

"Malah, baru-baru ini seorang pelanggan dari Sepang, Selangor telah borong sebanyak lima tan dan kami sendiri menghantarnya," kata Zuhairi. - Bernama

Rezeki cuaca panas, dapat jual tembikai 24 tan sehari



ZUHAIRI (tiga dari kanan) menunjukkan buah tembikai yang dijualnya di tepi jalan di Bandar Baru, Gua Musang semalam. - AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG - Cuaca panas yang melanda negara ketika ini memberi limpahan rezeki kepada peniaga tembikai di Bandar Baru di sini apabila mampu menjual sehingga 24 tan tembikai boci atau tembikai merah tanpa biji setiap hari.

Zuhairi Hashim, 34, yang membuka gerai di tepi jalan sejak lebih sebulan lalu berkata, ia ditambah dengan harga tembikai yang murah ketika ini iaitu tembikai boci gred B serendah 80 sen sekilogram dan gred A pula RMI.20.

Katanya, sebelum ini, harga

tembikai dijual pada harga RM4.50 sekilogram dan ia sebenarnya agak mahal untuk kebanyakan pelanggan.

"Cuaca panas memberi limpahan rezeki kepada saya apabila buah berkenaan laris dibeli pelanggan antara 12 hingga 24 tan setiap hari.

"Harga buah tembikai yang murah menyebabkan pelanggan sudah tidak berkira untuk membeli," katanya di sini semalam.

Katanya, bekalan tembikai dibeli secara pukal dari ladang tembikai di Dabong, Tok Bali,

Pasir Puteh dekat sini dan Setiu, Terengganu.

Zuhairi memberitahu, selain daripada mengejar hasil jualan, dia juga berniat untuk berbuat amal dengan menetapkan harga tembikai yang amat berpatutan kepada pelanggan.

Katanya, dia berniaga bersama isteri, adik-beradik dan saudaranya seawal pukul 8 pagi sehingga 10 malam setiap hari.

"Ramai peminat membeli tembikai gred B kerana harganya lebih murah selain isinya mampat dan manis," jelasnya.

10kg tikus salai dari Vietnam dirampas di LTAPP

GEORGE TOWN – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang mengawal cubaan membawa masuk tikus salai dari Vietnam tanpa kebenaran di pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) semalam.

Pengarah Maqis Negeri, Muhammad Ikram Abd Talib berkata, rampasan itu dilakukan hasil kejasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Menurutnya, tikus salai itu berjaya dikesan dengan bantuan mesin pengimbas JKDM dan pemeriksaan oleh pegawai Maqis yang bertugas di lapangan terbang berkenaan.

"Tikus salai seberat 10 kilogram yang bernilai RM1000 ini dijumpai semasa pemeriksaan bagasi terhadap seorang penumpang dari Vietnam.

"Perbuatan mengimport ke luaran hasilan haiwan tanpa permit yang sah adalah menjadi satu kesalahan jelasnya dalam satu kenyataan semalam.

Jelasnya, ia satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan

Pemeriksaan Malaysia 2011 (AKTA 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), Akta yang sama.

"Tambah Muhammad Ikram, jika sabit kesalahan, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara atau kedua-duanya sekali.

Beliau berkata, Maqis berusaha mengambil langkah serius bersama agensi penguatkuasaan di sempadan dalam isu melibatkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasyarakatan perosak yang boleh mengancam sektor pertanian negara.

"Seperti yang kita ambil maklum, tikus boleh menyebarkan penyakit berjangkit secara langsung dan tidak langsung.

"Tindakan pengawalsuaian undang-undang akan terus diperkasa bagi memastikan kawalan penyakit haiwan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara, tambahnya.

Jelas beliau, orang ramai dinasihatkan tidak melakukan menjadi kesalahan



SEORANG pegawai Maqis Pulau Pinang menunjukkan tikus salai yang dirampas di pintu masuk LTAPP George Town semalam.

Musim kemarau bawa rezeki kepada penjual tembikai



ZUHAIRI Hashim (kanan) dibantu rakannya menimbang buah tembikai yang dijualnya di Bandar Baru, Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/ AIMUNI TUAN LAH

Oleh **AIMUNI TUAN LAH**
utusannews@mediamulla.com.my

GUA MUSANG: Cuaca panas yang melanda negara ketika ini memberi rezeki buat seorang peniaga apabila pernah menjual sehingga 24 tan metrik tembikai jenis boci sehari.

Zuhairi Hashim, 34, berkata, bekalan tembikai diambil secara pukal dari ladang tembikai di Dabong, Tok Bali, Pasir Puteh dan Setiu, Terengganu itu dijual serendah 80 sen sekilogram bagi gred B manakala gred A RM1.20.

"Cuaca panas membeud limpahan rezeki kepada saya apabila buah berkenaan laris dibeli

pelanggan antara 12 hingga 24 tan metrik setiap hari.

"Harga buah tembikai yang murah menyebabkan pelanggan sudah tidak takut hendak membeli. Jika dulu harga tembikai mahal apabila dijual pada harga RM4.50 sekilogram menyebabkan pelanggan berkira-kira untuk membelinya," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Zuhairi memberitahu, selain ingin mencari pendapatan, dia lebihkan niat untuk berbuat amal kepada pelanggannya.

Katanya, dia berniaga bersama isteri, adik-beradik serta saudara-maranya seawal pukul 8 pagi sehingga 10 malam setiap

hari.

"Ramai peminat membeli tembikai gred B kerana harganya lebih murah dan rasanya enak serta manis.

"Selain pelanggan dari daerah ini, kami mendapat tempahan luar. Baru-baru ini, pelanggan dari Sepang, Selangor memborong sebanyak lima tan metrik tembikai dan kami melakukan penghantaran sendiri," ujarnya.

Zuhairi berkata, selain pelanggan boleh datang sendiri ke gerai mereka, tempahan tembikai boleh dilakukan melalui laman sosial Facebook atau WhatsApp miliknya.

19/5/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30

Cuaca ekstrem jejas hasil durian

PONTIAN: Pemilik dusun durian di daerah ini mendakwa tana-man mereka kurang menjadi musim ini ekoran cuaca melampau sehingga menyebabkan banyak bunga 'raja buah' itu gugur.

Seorang pemilik dusun, Azmi Mohamed, 52, berkata, pokok duriannya termasuk milik keluarga seluas 4.4 hektar tidak berbuah sepenuhnya kerana kekusutan bunga.

Katanya, faktor hujan lebat sebelum ini menyebabkan banyak bunga durian yang gugur dan dianggarkan hanya 30 peratus daripada 140 pokok duriannya 'lekat' berbanding tahun lalu.

"Saya dan isteri akan menaikkan haji bulan depan dan kembali pada awal Ogos ini.

"Semasa ketiadaan saya, urusan menjaga dusun termasuk mengutip dan menjual durian dilakukan oleh ahli keluarga yang lain dengan kebiasaannya membeli terus ke rumah kami di Kampung Melayu Raya," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Bagi Jais Munaseri, 51, dari Kampung Paya Embun, musim ini 'kurang menjadi' kerana tidak semua 30 pokok durian-



AZMI Mohamed (kiri) dan Jais Munaseri menunjukkan buah durian yang dijangka mula gugur awal bulan depan di Kampung Melayu Raya, Pontian, Johor.

nya berbuah lebat seperti pada tahun-tahun sebelumnya.

"Jika tahun-tahun sebelum ini, pokok durian saya mampu mengeluarkan kira-kira 5,000 biji, namun tahun ini dijangka berkurangan," katanya sambil

memberitahu pendapatan yang diraih hasil jualan durian dianggap 'bonus' memandangkan banyak modal dikeluarkan bagi membeli baja serta penjagaan yang lain.

Seorang lagi pemilik dusun,

Ayob Ketot, 72, pula bersyukur kerana 70 pokok durian kam-pungnya tetap berbuah agak lebat dan kini sedang membuka tempahan secara dalam talian untuk mereka yang ingin mem-belinya.

Potential for added income in breeding Serama chicken

KANGAR: Farming Serama chicken can generate additional income.

Perlis Serama Chicken Association president Datuk Zainie Abdullah said breeding Serama chicken had huge potential and one bird could fetch from RM300 to RM1,500 based on its breed,

grade, size, colour and age.

"I have met many Serama chicken breeders. They began breeding as a hobby and later, it became a source of additional income," Zainie told Bernama.

He said Serama producers need quality brood stock if they want to sell chicks at a high price.

"Quality brood stock are chicken that have won Serama chicken competitions," he said.

Zainie said to produce quality chicken, breeders could apply cross-breeding for diverse varieties. The Serama breed, which is popular in Malaysia is the H4 (fourth generation Hanuman)

breed from Kelantan.

"Serama chicken in Malaysia is well-known and sought after by enthusiasts from Europe," he said adding that a huge capital was not needed for the farming business.

"All one needs is some knowledge about breeding this variety of chicken," he added.

Bawa masuk ternakan dari Thailand tampung permintaan tinggi ketika Aidiladha

Guna lembu seludup buat korban

RANTAU PANJANG – Kebanyakan penternak lembu di daerah ini tiada pilihan lain apabila mereka terpaksa membeli lembu yang diseludup dari negara jiran untuk memenuhi permintaan pelanggan untuk ibadah korban. Rata-rata penternak menerima tempahan dan permintaan pelanggan yang mahu mengambal bahagian dalam ibadah korban sejak awal Ramadan lalu. Keadaan itu menyebabkan penternak perlu menyediakan lebih banyak lembu untuk memenuhi permintaan pelanggan sehingga ke tarikh Hari Raya Aidiladha.

Seorang penternak yang hanya mahu dikenali sebagai Amir, 32, berkata, dia mengakui bahawa 15 ekor lembu ternakannya dibeli daripada penyeludup kira-kira dua bulan lalu. Menurutnya, lembu-lembu tersebut perlu dibawa masuk lebih awal kerana dia akan ternak haiwan-haiwan tersebut terlebih dahulu sebelum menjualnya untuk ibadah korban. "Sejujurnya, lembu ternakan yang sedia ada di sini tidak cukup untuk menampung permintaan pelanggan bagi ibadah korban. Jadi, pilihan yang ada adalah



KERATAN Kosmo! semalam.

kami membeli dan menternak lembu dari Thailand di sini.

"Lembu di sini atau di sana (Thailand) tiada bezanya kerana ia juga lembu kampung. Jadi, kaedah ternakan juga sama apabila saya akan memberi makan haiwan terbahit rumpun atau

Jelasnya, sebelum ini, penyeludup gunakan bot untuk membawa dua hingga tiga ekor lembu untuk satu trip atau perjalanan merentasi Sungai Golok.

"Apabila paras air Sungai Golok turun sehingga 0.5 meter baru-baru ini, saya boleh heret empat hingga lima ekor lembu sebarang Sungai Golok dengan hanya berjalan kaki pada satu-satu masa.

"Saya hanya akan buat dua trip sahaja sehari dan boleh membawa masuk sehingga 10 ekor dalam tempoh itu.

"Seekor lembu yang diseludup kebiasaannya seberat 200 hingga 300 kilogram (kg). Apabila ia ditemak dengan baik di sini, beratnya mampu mencecah 600 kg dan ia cukup untuk dijadikan haiwan korban nanti," katanya.

Seorang lagi penyeludup yang dikenali Nordin, 50, berkata, dia berniaga lembu yang diseludup dari negara jiran sejak lebih 10 tahun lalu dengan harga tidak lebih RM2,000 seekor.

"Bila sudah bela lembu itu di sini, harganya mampu cecah lebih RM7,000 seekor," jelasnya.

Kosmo! semalam melaporkan harga sebahagian lembu korban mencecah RM1,100 sebahagian.

SEGLINTIR penternak di sempadan terpaksa menyeludup lembu dari Thailand bagi memenuhi permintaan. – GAMBAR HIASAN

dedak," katanya ketika ditemui Kosmo! semalam.

Kata Amir, jika tidak menternak lembu seludup, dia percaya bekalan haiwan itu tidak akan mencukupi untuk menampung permintaan pelanggan bagi melaksanakan ibadah korban.

Sementara itu, seorang penyeludup yang hanya mahu dikenali sebagai Zul, 45, berkata, cuaca panas yang menyebabkan Sungai Golok cetek ketika ini memudahkan kerja-kerja penyeludupan lembu di beberapa pangkalan haram di sini.

Tambah 1,391 pasar tani

Kerajaan gesa Fama mengikut kepadatan penduduk di sesuatu kawasan

Oleh Mohammad
Khairil Ashraf Mohd
Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan mengarahkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) agar membuka lebih banyak pasar tani mengikut kepadatan penduduk di sesuatu kawasan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, Fama perlu mempunyai perancangan dengan membuka 1,391 pasar tani dan pembukaan itu perlu mengikut nisbah penduduk.

"(Perkara) ini ditentukan kawasan berpendudukan tinggi di Semenanjung.

"Untuk Sabah dan Sarawak pula, Fama telah cuba untuk (membuka) pasar tani tapi penduduk Sabah dan Sarawak lebih bermisnat menggunakan pasar tani mereka," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), di



AHMAD Zahid ketika sidang media Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan dan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara Bilangan 3 Tahun 2023 di di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM

bulan pertama serta penjaminan subsidi kerajaan sekitar RM5 juta.

Katanya, dua stesen minyak tanpa subsidi di Perlis itu mengalami peningkatan jualan sebanyak 14.75 peratus bagi diesel tanpa subsidi dan 43.27 peratus bagi RON95 tanpa subsidi.

"Perbezaan harga komersial di Malaysia masih muarab berbanding di Thailand dengan harga jualan RM3.05 per liter berbanding RM4.62 per liter bagi petrol RON95 manakala RM3 per liter berbanding RM4.24 per liter bagi diesel," katanya.

Beliau berkata, hasil libat urus KPDN bersama agensi penguatkuasaan di Komplex Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) juga mendapati aliran trafik kenderaan asing adalah tinggi terutama di bahagian utara Semenanjung.

"KPDN sedang di peringkat akhir memuktamadkan pelaksanaan stesen minyak tanpa subsidi terutama di Kelantan.

"Negeri lain yang menyusul adalah Kedah, Perak, Sarawak, Sabah dan Johor," katanya.

tuk meningkatkan pendapatan negara melalui cukai jualan yang dikenakan ke atas kenderaan asing," katanya.

Menurutnya, laporan awal mendapati data jualan bahan petroleum bersubsidi menunjukkan penurunan sebanyak 13.2 peratus bagi diesel dan 15.7 peratus bagi RON95 di 38 stesen minyak di Perlis untuk tempoh dua

dan Diesel Tanpa Subsidi di bawah inisiatif Program Ekonomi Sempadan.

Beliau berkata, projek itu dilaksanakan di dua kawasan di Perlis memabitkan Padang Besar dan Wang Kelian.

"Projek ini dapat menyelamatkan peruntukan subsidi minyak kerajaan. Malahan, terdapat peluang un-

Nelayan turun ke laut awal pagi elak 'dibakar' cuaca panas

PASIR PUTEH – Lebih 30 nelayan di pesisir Pantai Semarak di sini mengambil langkah berjaga-jaga semasa cuaca panas melampau ketika ini apabila mereka turun ke laut pada awal pagi sejam empat bulan lalu.


Seorang nelayan, Arbuzi Awang, 30, berkata, suhu di tengah laut ketika ini boleh mencecah 40 darjah Celsius, sekali gus menguji kudrat nelayan yang sememangnya tahan lasak dan tahan dengan cuaca panas.

Menurutnya, semua sampan nelayan kini terpaksa diubah suai dengan memasang pukal hitam sebagai pelindung matahari bagi mengelak panas terik.

"Sebelum ini, kami mula memukat ikan sekitar satu kilometer dari Pantai Semarak bermula pukul 8 pagi dan pulang semula ke daratan kira-kira pukul 1 tengah hari.

"Jadual kerja nelayan berubah sejak kebelakangan ini apabila kami turun ke laut selepas subuh dan kembali bersama tangkapan ikan pada pukul 10 atau 11.30 pagi," katanya ketika ditemui Kosmo! di Pantai Semarak di sini semalam.

Seorang lagi nelayan, Ismail Awang, 44, berkata, bekalan air



BEBERAPA nelayan mengutip ikan tambahan daripada pukal di pesisir Pantai Semarak, Pasir Puteh semalam. – TOREK SULONG

minuman sering tidak mencukupi berbanding sebelumnya kerana dia kerap berpeluh dan cepat haus apabila berada di tengah laut.

Menurutnya, selepas turun ke laut lebih awal, kebanyakan nelayan memperoleh banyak hasil tangkapan ikan tambahan ketika ini, sekali gus mencukupi permintaan daripada pengusaha ikan kering.

"Bahang panas sudah dirasai bermula pukul 10 pagi, sekali gus menghalang keupayaan nelayan berada di tengah laut dalam tempoh lama. Kami hanya boleh memukat ikan dalam tempoh empat jam sahaja.

"Trend memukat turut berubah apabila nelayan terpaksa memakai baju lengan panjang, bertopi dan memakai kaca mata hitam," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2023	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK	27

Ikan mati di dalam air sebelum sempat diambil, keadaan paling terburuk dalam sejarah 50 tahun nelayan di Sungai Galah

Sungai cetek sukarkan nelayan darat cari rezeki

Oleh SAIFULLAH AHMAD PASIR SALAK

Keadaan cuaca panas yang melanda negara ketika ini menyebabkan hampir 100 nelayan darat di Sungai Galah, Kampung Gajah di sini terkesan apabila sungai menjadi cetek dan hidupan air tawar juga cepat mati.

Seorang nelayan, Ahmad Jamal Harun, 62, berkata, situasi itu amat ketara apabila ikan yang dijaring mati di dalam air sebelum sempat diambil dalam tempoh kurang 24 jam.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan ikan sukar dijual kerana tidak lagi segar kerana kebanyakan pelanggan lebih gemar membeli ikan yang masih hidup.

"Memang saya akui cuaca panas ketika ini sangat memberi kesan kepada kami (nelayan darat). Jumlah ikan berkurangan dan sungai cetek, tak boleh nak lalu sebab enjin sangkut. Ada juga nelayan yang jatuh sakit sebab cuaca ini."

"Saya cuma tangkap ikan guna jaring sahaja. Kalau dulu saya pernah dapat sehari RM200 hasil menjaring ikan tapi sekarang ini nak dapat RM50 pun susah. Memang keadaan sekarang ini mencabar," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di Jeti Nelayan Darat Sungai Galah, Kampung Gajah di sini.

Berpengalaman lebih 35 tahun sebagai nelayan, Ahmad Jamal berkata, sesuatu boleh difikirkan oleh pihak berkaitan bagi membantu nelayan menangani keadaan itu supaya golongan itu tidak terputus rezeki.

Bagi Zakaria Omar, 72, pula, keadaan

itu merupakan yang terburuk dalam sejarah sejak 50 tahun menjadi nelayan darat di kawasan itu.

Menggunakan sampan sebagai pengangkutan utama, dia tetap menggagahkan diri mencari rezeki walaupun adakalanya mengalami selesema dan batuk disebabkan keadaan cuaca pada ketika ini.

Menurutnya, setakat ini keadaan kesihatannya masih baik tetapi ada rakan-rakan nelayan lain yang mengalami serangan jantung dan demam disebabkan cuaca terlampau panas.

Katanya, walaupun kebanyakan nelayan darat di situ keluar mencari ikan pada waktu malam, bahang tetap terasa menyebabkan mereka kurang selesa bekerja.

Jelas Zakaria, dalam masa dua hari turun ke sungai, baru 900 gram udang galah yang diperoleh berbanding sebelum ini lebih sekilogram sehari boleh ditangkap.

Seorang lagi nelayan, Nik Man Shaarani, 37, berkata, disebabkan keadaan sungai yang cetek, nelayan terpaksa berdepan risiko kerosakan pada enjin bot kerana dimasuki pasir selain bot yang rosak terlanggar tunggul kayu di dalam sungai.

Menurutnya, terdapat alur-alur sungai yang terbentuk dari Sungai Kinta tidak dapat dilalui nelayan kerana paras air yang rendah sekali gus

menyebabkan pergerakan mencari rezeki terbatas.

"Kalau sungai tak cetek kami boleh masuk ke kawasan bekas-bekas lombong berhampiran tapi sebab dasar sungai rendah, kami tersangkut dalam pasir. Bila pasir masuk dalam enjin, memang akan



AHMAD JAMAL



ZAKARIA



NIK MAN



Antara kawasan alur air yang cetek menyebabkan pergerakan nelayan untuk mencari rezeki terhad ketika ini.

ambil masa untukbaiki. Kos baik pulih juga bukan sedikit dan dalam tempoh itu memang susah kami nak cari makan.

"Kita harap sangat kerajaan negeri

atau mana-mana pihak boleh bantu ringankan beban nelayan darat ketika ini. Tak kisahlah apa pun bantuannya asalkan kami tidak terputus makanan," katanya.



Sungai cetek dan faktor cuaca panas menyebabkan hasil tangkapan ikan berkurangan.

Agrobank pupuk minat murid bertani

KUALA LUMPUR – Agrobank menyerahkan dana RM3,000 kepada setiap daripada 15 buah sekolah yang terpilih sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan bagi Program Rakan Tani Muda Agrobank dalam Majlis Sambutan Hari Raya Korporat Agrobank 2023 semalam.

Program berteraskan konsep pendidikan pertanian itu menyasarkan penyertaan sebanyak 80 buah sekolah seluruh Malaysia dengan dana keseluruhan RM240,000.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Husin berkata, program berkenaan merupakan inisiatif bank dalam membangunkan pendidikan berteraskan pertanian bagi membina keupayaan dan kestabilan sektor pertanian pada masa hadapan.

“Sejajar dengan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025,



WAKIL sekolah menunjukkan replika sumbangan dana daripada Agrobank pada majlis Sambutan Hari Raya Korporat Agrobank di Kuala Lumpur semalam.

Agrobank terpanggil untuk mempersiapkan generasi muda sebagai pelapis mendepani cabaran industri agro,” katanya.

Tengku Ahmad Badlishah menambah, Agrobank turut menganjurkan Pertandingan Rakan

Tani Muda bermula Jun sehingga September 2023, dengan sesi penjurian serta penilaian akan dibuat bulan Oktober 2023.

Terdapat empat kategori tanaman yang akan dipertandingkan iaitu konvensional, fertigasi, hi-

droponik serta akuaponik dan sekolah yang menyertainya perlu mewujudkan reka bentuk pertanian pintar berteraskan penggunaan bahan kitar semula yang meningkatkan kelestarian alam sekitar.

Agrobank peruntuk RM240,000 jayakan Program Rakan Tani Muda

PETALING JAYA: Agrobank memperuntukan dana berjumlah RM240,000 bagi menjayakan Program Rakan Tani Muda Agrobank yang telah dilancarkan Mac lalu.

Pada Majlis Sambutan hari Raya Korporat Agrobank semalam, sebanyak 15 sekolah terpilih sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan, menerima peruntukan sebanyak RM3,000 bagi menjayakan program tersebut yang menyasarkan penyertaan 80 buat sekolah seluruh negara.

Menurut Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli

Shah Raja Hussin, program itu merupakan inisiatif Agrobank dalam membangunkan pendidikan berteraskan pertanian bagi membina keupayaan dan kestabilan sektor pertanian pada masa hadapan.

Kata beliau, ia bersesuaian dengan elemen kelestarian dan sejajar dengan agenda hijau negara di bawah Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan.

“Dalam memodenkan projek pertanian, kita perlu bergerak seiring dengan peralihan global ke arah amalan pertanian lestari. Ia juga sejajar dengan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025.

“Agrobank terpenggil untuk

mempersiapkan generasi muda sebagai pelapis mendepani cabaran industri agro dan pemangkin keterjaminan makanan khususnya di Malaysia. Justeru, Agrobank mendukung penuh hasrat murni kerajaan ini,” katanya.

Tengku Ahmad Badli turut berkongsi mengenai pertandingan Rakan Tadi Muda yang akan bermula pada Jun hingga September depan dan sesi penjurian serta penilaian pula dibuat sepanjang Oktober.

Terdapat empat kategori tanaman yang akan dipertandingkan iaitu konvensional, fertigasi, hidroponik dan akuaponik.

Agrobank komited bangunkan pendidikan pertanian

Sebanyak RM240,000 diperuntukkan bagi tujuan itu di 80 buah sekolah terpilih seluruh negara

Oleh **MOHAMAD AMREEL IMAN**
ABD MALEK
KUALA LUMPUR

Agrobank terus mara dengan komitmen membangunkan pendidikan pertanian di negara terutama dalam kalangan pelajar. Justeru syarikat tersebut menerusi Program Rakan Tani Agrobank menyalurkan dana berjumlah RM45,000 kepada 15 sekolah rendah yang terpilih sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan semasa Majlis Sambutan Hari Raya Korporat Agrobank di sini, pada Khamis.

Program berteraskan konsep pendidikan pertanian itu menyasarkan pertanian sebanyak 80 buah sekolah

seluruh Malaysia dengan peruntukan keseluruhan RM240,000.

Menurut Presidennya, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, inisiatif tersebut bagi menyambut usaha nasional dalam memperkasa kestabilan dan memodenkan sektor pertanian di masa hadapan.

Ujar beliau, ia juga sejajar dengan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 bagi untuk mempersiapkan generasi muda sebagai pelapis dalam menepahi cabaran industri agro dan pemangkin keterjaminan makanan khususnya di Malaysia.

Berkongsi lebih lanjut tentang program tersebut, beliau berkata, pertandingan Rakan Tani Muda akan bermula pada Jun sehingga September 2023 dan sesi penjurian serta penilaian akan dibuat sepanjang bulan Oktober.

"Terdapat empat kategori tanaman yang akan dipertandingkan iaitu konvensional, fertigasi, hidroponik dan akuaponik.

"Antara jenis tanaman yang dibenarkan adalah seperti tanaman sayuran, tanaman herba, tanaman kontan dan tanaman yang memenuhi elemen sekuriti



Tengku Ahmad Badli Shah (tengah) menyerahkan dana Rakan Tani Muda kepada guru dari sekolah yang terlibat.

makanan," katanya.

Ujarnya, sekolah yang terpilih perlu memenuhi syarat penyertaan seperti mewujudkan reka bentuk pertanian pintar yang berteraskan penggunaan bahan kitar semula bagi meningkatkan kelestarian alam sekitar.

"Kita perlu mewujudkan keterujaan kepada generasi muda bahawa sektor pertanian ini merupakan sektor dinamik

yang mana ia menjanjikan masa hadapan yang baik, sekali gus meningkatkan tahap sosioekonomi menerusi pertanian tani," katanya.

Beliau berharap, usaha murni itu dapat membina masa hadapan lebih cerah bagi sektor pertanian dan juga memupuk minat pelajar dalam bidang pertanian, seterusnya membangunkan potensi mereka.